

Dr Mahathir, Mahaleel tawar £1 beli Lotus

BH- 14/2/2006

TENGGU Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff yang terus memersoalkan keputusan Proton Holdings Bhd (Proton) menjual MV Agusta Motors pada harga satu euro, menawarkan diri untuk membeli Lotus Group International Ltd (Lotus) pada harga satu pound sterling.

Bekas Ketua Eksekutif (CEO) Proton itu bersama Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan kesediaan mengambil alih Lotus yang berpangkalan di Norwich, United Kingdom, jika pengeluar kereta nasional itu bercadang mahu melupuskan syarikat itu seperti yang dibuat pada MV Agusta.

“Oleh kerana sudah ada keputusan terdahulu (penjualan MV Agusta), kami mahu mendaftarkan hasrat kami untuk membeli (Lotus) pada harga satu pound sterling jika dan bila syarikat itu ditawarkan untuk jualan.

“Jika harga tawaran lebih daripada satu pound sterling, kami mahu menyatakan minat kami untuk mem-bida syarikat itu,” katanya pada sidang akhbar di Petaling Jaya semalam.

Pada sidang akhbar yang berlangsung lebih sejam, Tengku Mahaleel

menerangkan tujuan pembelian pengeluaran motosikal terkemuka Itali itu dan kesan penjualannya pada harga satu euro yang merugikan Proton.

Tengku Mahaleel berkata, syarikat mengambil masa 14 bulan untuk berunding dan melengkapkan proses pembelian MV Agusta sejak cadangan pertama dikemukakan pada 3 Disember 2002.

Beliau berkata, ini berbeza dengan keputusan lembaga pengarah yang melupuskan syarikat itu dalam hanya dua bulan.

Katanya, keputusan membeli MV Agusta dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor dan pertimbangan termasuk kebaikan dan keburukan serta pertimbangan sama ada ia mampu menjana dana kepada pendapatan kumpulan.

Proton, ketika itu diterajui Tengku Mahaleel membayar 70 juta euro un-

tuk membeli MV Agusta pada Julai 2004.

Pengurusan baru kereta nasional itu pada akhir Disember lalu memutuskan melupuskan 57.75 peratus kepentingan dalam pengeluaran motosikal Itali itu pada bayaran satu euro kerana dikatakan bagi mengelak Proton daripada menanggung kerugian lebih besar pada masa depan.

Proton tidak menyatakan ia akan melupuskan kepentingan dalam Lotus, pengeluaran kereta sport dan kejuruteraan terkenal UK itu.

Tengku Mahaleel mendakwa keputusan Proton menjual MV Agusta Motors pada harga satu euro menyebabkan pengeluaran kereta nasional kerugian lebih 75.99 juta euro (RM348 juta) termasuk kos pentadbiran mahkamah berjumlah antara lima hingga enam juta euro.

“Jenama itu sendiri bernilai lebih

satu euro sehingga 30 September 2005, manakala harga saham MV Agusta pula bernilai 64 juta euro (RM292 juta) hingga tempoh berkenaan,” katanya.

Tengku Mahaleel yang turut mewakili Dr Mahathir pada sidang akhbar itu berkata, membidas Proton kerana enggan menjawab sebab penjualan MV Agusta pada satu euro.

“Yang pertama, sebagai perkara berkepentingan awam, tidak semua orang tahu mengenai jawapan Proton dan keduanya jawapan itu tidak menjawab persoalan yang kami kemukakan.

“Dengan tidak menjawab itu sendiri adalah pembohongan ketelusan yang bercanggah dengan kehendak kerajaan supaya telus untuk semua melihat,” katanya.

FAKTA NOMBOR

RM348j

Kerugian didakwa Tengku Mahaleel jika Proton menjual MV Agusta Motors pada harga satu euro

RM292j

Harga saham MV Agusta sehingga 30 September 2005